

Rajah di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada jenis pelaburan yang terdapat di negara ini.

Huralkan pendapat anda tentang jenis-jenis pelaburan yang patut disertai oleh masyarakat. Pilih frasa yang sesuai dalam kurungan untuk melengkapkan karangan. (KBAT) Menganalisis; Menilai

#### JENIS PELABURAN YANG PATUT DISERTAI

### PELABURAN SELAMAT DAN TERBAIK

| Jenis Pelaburan | Risiko    | Pulangan Tahunan   |
|-----------------|-----------|--------------------|
| Akaun simpanan  | Rendah    | Kurang daripada 1% |
| Simpanan tetap  | Rendah    | 3% – 4%            |
| Saham ASB/ASN   | Rendah    | 8% – 10%           |
| Unit Amanah     | Sederhana | 8% – 10%           |
| Hartanah        | Rendah    | 10%                |

AKAUN SIMPANAN

SIMPANAN TETAP

SAHAM ASB/ASN

UNIT AMANAH

HARTANAH



Pelaburan merujuk kepada \_\_\_\_\_ dalam sesuatu usaha seperti pengeluaran barang, perniagaan, pembangunan syarikat, dan sebagainya dengan harapan mendapat keuntungan yang \_\_\_\_\_. Terdapat pelbagai jenis pelaburan di negara kita. Setiap pelaburan mempunyai \_\_\_\_\_ tertentu. Sesetengah daripada pelaburan tersebut berisiko tinggi. Ada juga pelaburan yang berisiko rendah. \_\_\_\_\_ sememangnya bertepatan dengan peribahasa “untung sabut timbul, untung batu tenggelam”. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan \_\_\_\_\_ atau mengalami kerugian pada bila-bila masa sahaja.

Antara jenis pelaburan yang disarankan oleh pakar ekonomi termasuklah amanah saham. Hakikatnya, amanah saham bersifat skim pelaburan sederhana jangka pendek, \_\_\_\_\_, dan simpanan masa hadapan. Pelaburan Unit Amanah, Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan Amanah Saham Nasional (ASN) merupakan pelaburan paling rendah risikonya berbanding dengan pelaburan-pelaburan lain. Pelaburan ini bukan sahaja dijamin oleh pihak berkuasa, bahkan juga dikendalikan oleh pengurus dana yang \_\_\_\_\_. Kesannya, pelabur boleh menjanakan keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan simpanan wang di bank. Sekiranya berlaku kecemasan yang memerlukan \_\_\_\_\_, pemegang unit boleh menjual balik saham atau menebus unit saham tersebut semula.

Jenis pelaburan lain ialah pelaburan pendidikan. Contohnya, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan Pelan Pendidikan BSN Prudential. Hal ini disebabkan pelaburan tersebut meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk \_\_\_\_\_ kerjaya dan pendapatan yang lebih baik. Pelaburan jangka masa panjang ini juga dapat digunakan untuk membiayai \_\_\_\_\_ di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pihak SSPN pula menawarkan keistimewaan pelepasan \_\_\_\_\_ sehingga RM6 000 setahun berdasarkan simpanan bersih tahun semasa. Dengan ini, pelabur dapat mengurangkan pembayaran cukai dan \_\_\_\_\_ untuk tujuan pendidikan peringkat tinggi.

Masyarakat juga patut melabur dalam pelaburan kesihatan. \_\_\_\_\_ seperti Insurans Kesihatan, Insurans Hayat, dan Insurans Kewangan dikatakan dapat \_\_\_\_\_ kewangan pesakit kerana syarikat pelaburan kesihatan akan menanggung sebahagian daripada \_\_\_\_\_. Jumlah tersebut bergantung pada premium yang dibayar oleh pelabur. Di samping itu, anggota keluarga pesakit yang mempunyai Insurans Hayat juga akan menerima sejumlah wang andainya individu tersebut \_\_\_\_\_ akibat penyakit-penyakit tertentu yang tersenarai di bawah penyakit yang dilindungi oleh pihak insurans. Tindakan membeli insurans kesihatan seiring dengan peribahasa “sediakan payung sebelum hujan” kerana “malang tidak berbau”.

Kesimpulannya, pelaburan Amanah Saham, pelaburan pendidikan, dan pelaburan kesihatan bukan sahaja berisiko rendah, bahkan mendatangkan \_\_\_\_\_ kepada anggota masyarakat. Melalui pendidikan, masyarakat dapat menanggukkan penggunaan wang yang diperoleh untuk kegunaan \_\_\_\_\_. Wang yang dilaburkan itu juga sebenarnya menjadi penggerak kepada kemajuan ekonomi negara. Oleh itu, orang ramai digalakkan melabur demi \_\_\_\_\_, keluarga, dan negara.